



30 Mac 2015
30 March 2015
P.U. (A) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2015

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) (AMENDMENT) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) 2015**.

(2) Kecuali bagi subsubperenggan 2(a)(iii), Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Jun 2014.

(3) Subsubperenggan 2(a)(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] dipinda—

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—

(i) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "*Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin*" dalam ruang "*Nama*" perkataan yang berikut:

"Dato' Mah Siew Keong Menteri di Jabatan Perdana
Menteri";

- (ii) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar" dalam ruang "*Nama*" perkataan yang berikut:

"Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong	Menteri di Jabatan
	Perdana Menteri";

- (iii) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

"Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan	Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman percuma dalam perkara jenayah termasuk jenayah Syariah kepada semua warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman, pertuduhan, permohonan ikat jamin, perbicaraan dan rayuan. Bagi peringkat perbicaraan dan rayuan, pemohon adalah tertakluk kepada ujian kemampuan";
---------------------------------------	--

- (b) berkenaan dengan Kementerian Kewangan, dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan" dalam ruang "*Nama*" perkataan yang berikut:

"Datuk Chua Tee Yong	Timbalan Menteri
	Kewangan";